



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**ANALISIS POLA-POLA SINTAKSIS DALAM PENULISAN
KARANGAN DI KALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT**

AWANG BIN ISMAIL

FPP 1998 41

**ANALISIS ROLA-POLA SINTAKSIS DALAM PENULISAN KARANGAN
DI KALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT**

Oleh
AWANG BIN ISMAIL

**FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN,
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA,
SERDANG, SELANGOR.**

1998



**ANALISIS POLA-POLA SINTAKSIS DALAM PENULISAN KARANGAN
DI KALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT**

**Oleh
AWANG BIN ISMAIL**

**Kertas Projek Penyelidikan Yang Dikemukakan Sebagai Sebahagian
Syarat Untuk Mendapatkan Ijazah Master Sains, Pengajaran Bahasa Malaysia
Sebagai Bahasa Pertama**

**FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN,
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA,
SERDANG, SELANGOR.**

1998



***Dedikasi buat..
guru-guruku yang banyak mencurahkan bakti,
isteriku yang amat memahami
dan anak-anakku yang sentiasa mengerti.***

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, saya dapat menyiapkan kertas projek ini bagi memenuhi syarat penganugerahan ijazah Master Sains dalam bidang Pengajaran Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pertama (PBMP).

Seterusnya dengan kesempatan yang ada ini, saya ucapkan jutaan terima kasih kepada Penyelia kertas projek ini, Encik Kamarudin Hj. Husin yang banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar serta nasihat yang tidak ternilai harganya kepada saya sehingga berjaya menyiapkan kertas projek ini. Pengalaman beliau yang luas dalam bidang pendidikan dan pedagogi bahasa serta selok-belok penyelidikan ilmiah, memberi manfaat yang banyak sekali.

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan juga kepada Dekan, Timbalan-Timbalan Dekan, Profesor-Profesor, dan Pensyarah-Pensyarah Fakulti Pengajian Pendidikan dan Fakulti Pengajian Bahasa Moden yang banyak membimbing serta mencurahkan ilmu kepada saya sepanjang pengajian di Universiti Putra Malaysia.



Di samping itu, tidak lupa saya ucapkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak yang terlibat dan memberi kerjasama untuk pelaksanaan tugas ini terutama kepada Pengetua, dan guru-guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Kebangsaan Puchong Batu 14, Selangor Darul Ehsan.

Akhir sekali, harapan saya agar segala usaha dan kerjasama semua pihak dapat diterima dan diberi ganjaran sebagai sebahagian daripada amal kebajikan. Sesungguhnya segala kekurangan dan kelemahan datangnya daripada saya kerana sesuatu yang lengkap dan sempurna itu milik Allah S.W.T sahaja.

Kepada semua, saya rakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih.

KANDUNGAN

| | Halaman |
|---|---------|
| PENGHARGAAN | ii |
| KANDUNGAN | iv |
| SENARAI JADUAL DAN RAJAH | viii |
| SENARAI SINGKATAN | x |
| ABSTRAK | xi |
| ABSTRACT | xiv |
| BAB | |
| I PENDAHULUAN | 1 |
| Latar Belakang | 1 |
| Pernyataan Masalah | 8 |
| Objektif Kajian | 11 |
| Soalan-soalan Kajian | 11 |
| Kepentingan Kajian | 13 |
| Batasan Kajian | 14 |
| Definisi Operasional | 17 |
| Analisis | 17 |
| Pola-Pola Sintaksis | 17 |
| Ayat | 18 |
| Penulisan Karangan | 19 |
| Pelajar Tingkatan Empat | 21 |
| II SOROTAN LITERATUR | 22 |
| Kajian Yang Berkaitan dengan Kemahiran Menulis karangan | 23 |

| BAB | Halaman |
|---|----------------|
| Kajian Yang Berkaitan dengan Kesalahan Bahasa dalam Penulisan Karangan | 28 |
| Kajian Yang Berkaitan Dengan Aspek Sintaksis dalam Penulisan Karangan dan Aspek Sintaksis dalam Bahasa Melayu | 32 |
| III METODOLOGI KAJIAN | 38 |
| Pengenalan | 38 |
| Reka Bentuk Kajian | 38 |
| Kerangka Teori Kajian | 39 |
| Subjek Kajian | 45 |
| Tempat Kajian | 46 |
| Instrumen Kajian | 47 |
| Prosedur Pengumpulan Data | 48 |
| Penganalisan Data | 50 |
| Penentuan Pola-Pola Sintaksis | 51 |
| IV DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN | 58 |
| Pengenalan | 58 |
| Analisis Kekekapan Penggunaan Jenis-Jenis Ayat Kekekapan Penggunaan Jenis-Jenis Ayat Berdasarkan Aliran | 59 |
| Kekekapan Penggunaan Jenis-Jenis Ayat Berdasarkan Jantina | 60 |
| Kekekapan Penggunaan Jenis-Jenis Ayat Berdasarkan Keturunan | 62 |
| Analisis Kekekapan Penggunaan Ragam Ayat Kekekapan Penggunaan Ragam Ayat Berdasarkan Aliran | 63 |
| Kekekapan Penggunaan Ragam Ayat Berdasarkan Jantina | 65 |
| Penggunaan Ragam Ayat Berdasarkan Keturunan | 66 |
| Analisis Kekekapan Penggunaan Pola Binaan Ayat Kekekapan Penggunaan Binaan Ayat Berdasarkan Aliran | 67 |
| Kekekapan Penggunaan Binaan Ayat Berdasarkan Aliran | 68 |
| Kekekapan Penggunaan Binaan Ayat Berdasarkan Aliran | 69 |
| Kekekapan Penggunaan Binaan Ayat Berdasarkan Aliran | 71 |



| BAB | Halaman |
|---|----------------|
| Kekerapan Penggunaan Pola Binaan Ayat Berdasarkan Jantina | 73 |
| Kekerapan Penggunaan Pola Binaan Ayat Berdasarkan Keturunan | 75 |
| Analisis Perbezaan Penggunaan Jenis-Jenis Ayat | 76 |
| Perbezaan Penggunaan Jenis-Jenis Ayat Berdasarkan Aliran | 76 |
| Perbezaan Penggunaan Jenis-Jenis Ayat Berdasarkan Jantina | 77 |
| Perbezaan Penggunaan Jenis-Jenis Ayat Berdasarkan Keturunan | 78 |
| Perbezaan Penggunaan Ragam Ayat | 79 |
| Perbezaan Penggunaan Ragam Ayat Berdasarkan Aliran | 79 |
| Perbezaan Penggunaan Ragam Ayat Berdasarkan Jantina | 80 |
| Perbezaan Penggunaan Ragam Ayat Keturunan | 81 |
| Analisis Perbezaan Pola Binaan Ayat | 83 |
| Analisis Perbezaan Pola Binaan Ayat Berdasarkan Aliran | 83 |
| Analisis Perbezaan Pola Binaan Ayat Berdasarkan Jantina | 84 |
| Analisis Perbezaan Pola Binaan Ayat Berdasarkan Keturunan | 85 |
| V KESIMPULAN DAN CADANGAN | 87 |
| Kesimpulan | 87 |
| Cadangan | 92 |

BIBLIOGRAFI



LAMPIRAN

- Lampiran A : Soalan Karangan Bahasa Melayu Kertas I**
- Lampiran B : Borang Analisis Kekerapan Penggunaan Jenis, Ragam dan Binaan Ayat Setiap Sampel**
- Lampiran C : Latarbelakang dan Kekerapan Penggunaan Jenis-Jenis, Ragam dan Binaan Ayat Setiap Sampel.**
- Lampiran D : Jadual Khi-Kuasa Dua (Chi-Square Table)**
- Lampiran E : Analisa Keputusan Peperiksaan PMR 1997 SMKP**
- Lampiran F : Analisa Keputusan SPM 1996 SMKP**



SENARAI JADUAL DAN RAJAH

| Jadual | Halaman |
|--|---------|
| 1 Taburan Subjek Kajian dari Segi Aliran, Jantina dan Keturunan | 45 |
| 2 Taburan Kekerapan Penggunaan Jenis-Jenis Ayat Keseluruhan Sampel | 59 |
| 3 Taburan Kekerapan Penggunaan Ayat Berdasarkan Aliran | 61 |
| 4 Taburan Kekerapan Penggunaan Jenis-Jenis Ayat Berdasarkan Jantina | 63 |
| 5 Taburan Kekerapan Penggunaan Ayat Berdasarkan Keturunan | 64 |
| 6 Taburan Kekerapan Penggunaan Ragam Ayat Keseluruhan Sampel | 65 |
| 7 Taburan Kekerapan Penggunaan Ragam Ayat Berdasarkan Aliran | 66 |
| 8 Taburan Kekerapan Penggunaan Ragam Ayat Berdasarkan Jantina | 68 |
| 9 Taburan Kekerapan Penggunaan Ragam Ayat Berdasarkan Keturunan | 69 |
| 10 Taburan Kekerapan Penggunaan Pola Binaan Ayat Keseluruhan Sampel | 70 |
| 11 Taburan Kekerapan Penggunaan Pola Binaan Ayat Berdasarkan Aliran | 72 |
| 12 Taburan Kekerapan Penggunaan Pola Binaan Ayat Berdasarkan Jantina | 73 |
| 13 Taburan Kekerapan Penggunaan Pola Binaan Ayat Berdasarkan Keturunan | 75 |



| Jadual | Halaman |
|---|----------------|
| 14 Frekuensi Cerapan dan Frekuensi Jangkaan Penggunaan Jenis-Jenis Ayat Berdasarkan Aliran | 76 |
| 15 Frekuensi Cerapan dan Frekuensi Jangkaan Penggunaan Jenis-Jenis Ayat Berdasarkan Jantina | 77 |
| 16 Frekuensi Cerapan dan Frekuensi Jangkaan Penggunaan Jenis-Jenis Ayat Berdasarkan Keturunan | 78 |
| 17 Frekuensi Cerapan dan Frekuensi Jangkaan Penggunaan Ragam Ayat Berdasarkan Aliran | 79 |
| 18 Frekuensi Cerapan dan Frekuensi Jangkaan Penggunaan Ragam Ayat Berdasarkan Jantina | 80 |
| 19 Frekuensi Cerapan dan Frekuensi Jangkaan Penggunaan Ragam Ayat Berdasarkan Keturunan | 81 |
| 20 Frekuensi Cerapan dan Frekuensi Jangkaan Penggunaan Pola Binaan Ayat Berdasarkan Aliran | 83 |
| 21 Frekuensi Cerapan dan Frekuensi Jangkaan Penggunaan Pola Binaan Ayat Berdasarkan Jantina | 84 |
| 22 Frekuensi Cerapan dan Frekuensi Jangkaan Penggunaan Pola Binaan Ayat Berdasarkan Keturunan | 85 |
| | |
| Rajah | Halaman |
| 1 Kerangka Teori Kajian | 40 |

SENARAI SINGKATAN

| | |
|----------------|---------------------------------------|
| AA | : Ayat Aktif |
| AMC | : Ayat Majmuk Campuran |
| AMG | : Ayat Majmuk Gabungan |
| AMPKet | : Ayat Majmuk Pancangan Keterangan |
| AMPKom | : Ayat Majmuk Pancangan Komplemen |
| AMPR | : Ayat Majmuk Pancangan Relatif |
| AP | : Ayat Penyata |
| APr | : Ayat Perintah |
| Aps | : Ayat Pasif |
| AS | : Ayat Seruan |
| AT | : Ayat Tanya |
| ATu | : Ayat Tunggal |
| FA | : Frasa Adjektif |
| F _c | : Frekuensi Cerapan |
| F _j | : Frekuensi Jangkaan |
| FK | : Frasa Kerja |
| FN | : Frasa Nama |
| FPred. | : Frasa Predikat |
| FS | : Frasa Sendi Nama |
| KB | : Kata Bantu |
| KGN | : Kata Ganti Nama |
| KK | : Kata Kerja |
| LPM | : Lembaga Peperiksaan Malaysia |
| PMR | : Penilaian Menengah Rendah |
| SK | : Sains Kemasyarakatan |
| SMKP | : Sekolah Menengah Kebangsaan Puchong |
| ST | : Sains Tulen |

Abstrak Projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian syarat bagi mendapatkan Ijazah Master Sains

**ANALISIS POLA-POLA SINTAKSIS DALAM PENULISAN KARANGAN
DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR TINGKATAN EMPAT**

Oleh
Awang Bin Ismail

MAC 1998

Penyelia : En. Kamarudin Hj. Husin

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan melihat pola-pola sintaksis dalam penulisan karangan di kalangan pelajar-pelajar Tingkatan IV di Sekolah Menengah Kebangsaan Puchong, Selangor Darul Ehsan. Pola-pola sintaksis yang dikaji melibatkan jenis, ragam dan binaan ayat yang dianalisis dari segi kekerapan penggunaan dan perbezaannya berdasarkan aliran, jantina dan keturunan pelajar.

Kaedah kajian deskriptif digunakan dalam kajian ini. Daripada populasi 425 orang pelajar, seramai 100 orang telah dipilih sebagai sampel kajian. Data kajian diperoleh dengan menganalisis sebanyak 2099 ayat yang ditulis oleh sampel kajian.

Penganalisan data bertujuan memperoleh taburan kekerapan dan peratus penggunaan ayat bagi menentukan sama ada pelajar menggunakan pola ayat yang beragam atau bertumpu kepada satu pola ayat tertentu sahaja. Selain itu, data juga dianalisis dengan menggunakan ujian khi-kuasa dua bagi menentukan wujud atau tidak perbezaan antara jenis, ragam dan binaan ayat dengan latar belakang aliran, jantina dan keturunan sampel.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa dari segi jenis ayat, wujud pola penggunaan yang hanya bertumpu kepada ayat penyata. Pelajar kurang menggunakan jenis-jenis ayat tanya, seruan dan perintah. Dari segi ragam ayat, peratusan penggunaan ayat aktif ialah sebanyak 80.88%, manakala peratusan ayat pasif hanya sebanyak 19.12% sahaja. Berdasarkan binaan ayat pula, dapatan kajian menunjukkan penggunaan ayat-ayat adalah lebih beragam. Binaan ayat majmuk campuran paling kerap digunakan, iaitu sebanyak 50.69%, diikuti ayat majmuk gabungan sebanyak 15.25%, ayat majmuk pancangan keterangan sebanyak 15.91%, ayat majmuk pancangan relatif sebanyak 11.53%, ayat tunggal 5.05% dan ayat majmuk pancangan komplemen hanya 1.57%.

Berdasarkan pengujian khi-kuasa dua, didapati penggunaan jenis-jenis ayat antara pelajar aliran sains tulen dengan aliran sains kemasyarakatan, antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dan antara pelajar Melayu dengan pelajar bukan Melayu tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan dari sudut kekerapan penggunaannya.

Sebaliknya dari segi ragam ayat, dapatan kajian menunjukkan bahawa perbezaan yang signifikan hanya wujud antara pelajar Melayu dengan pelajar bukan Melayu. Manakala dari segi pola binaan ayat pula, didapati perbezaan yang signifikan wujud bagi aliran, jantina dan keturunan pelajar.

Dapatan kajian ini juga memperlihatkan bahawa dalam keseluruhan karangan, masih wujud kelemahan penggunaan pola-pola sintaksis di kalangan pelajar-pelajar tingkatan empat. Dari segi jenis ayat, walaupun penggunaan ayat penyata adalah munasabah untuk karangan jenis perbincangan, namun dari segi ragam ayat pelajar perlu lebih banyak menggunakan ragam ayat pasif yang lebih sesuai dengan tajuk karangan. Demikian juga dari segi binaan ayat, kebanyakan pelajar lebih cenderung menghasilkan ragam ayat majmuk campuran berbanding ayat majmuk pancangan relatif, ayat majmuk pancangan keterangan dan ayat majmuk pancangan komplemen. Walhal, ayat-ayat ini juga sesuai untuk karangan jenis perbincangan tetapi kurang digunakan oleh pelajar.

Jelasnya, dapatan ini memberikan implikasi terhadap pendekatan pengajaran penulisan karangan di sekolah-sekolah. Oleh itu beberapa cadangan yang sesuai dikemukakan terutama kepada guru-guru bahasa agar turut memberi perhatian utama terhadap penggunaan pelbagai pola sintaksis dalam proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan.

Abstract of project paper presented to the Faculty of Educational Studies, University Putra Malaysia in partial fulfillment of the requirements for the Degree of Master of Science.

ANALYSIS OF SYNTACTICAL PATTERNS IN ESSAY WRITING AMONG FORM FOUR STUDENTS

By
Awang Bin Ismail

MAC 1998

Supervisor : En. Kamarudin Hj.Husin

Faculty : Educational Studies

This study was carried out to determine the syntactical pattern in essay writing among the Form Four students in Sekolah Menengah Puchong, Selangor Darul Ehsan. The frequency and the difference of using the forms, structures and the constructions of sentence usage between the students were analyzed between the student according to their background in respect to their options, sex and race.

The study involved a descriptive method. A sample of 100 students were selected among the population of 425 Form Four students in the School. Data was obtained from the analysis of 2209 sentences produced by the students in their essays. The study analyzed the frequency and percentage of using the



syntactical sentence patterns, and to see whether there is a convergent or non-convergent pattern used by the students. The data was also analyzed with the chi-square test to see a difference in the form, structure and construction of the sentence by the student according their option, sex and race background.

The study of the sentence forms shows the convergent usage of the declarative sentence structure and less on interrogative, exclamatory and imperative sentence form. While the analysis of active and passive voice sentence structure shows that students used 80.88% of active voice and only 19.12 % of passive voice in their language usage.

From the study of the sentence formation, the finding shows the various types of sentence structures are used. The percentages of the sentence structure are 50.69% of compound complex, 15.25% of conjoined, 15.91 of complement embedded, 11.53 % of relative embedded, 5.05% of simple sentence and only 1.57% of adverbial embedded sentence.

The result of the chi-square, shows there is no significance difference in using the sentence forms between options, sex and race among the students. Besides, the sentence structure analysis shows there is a significant of difference in using the sentence structure between Malay and non-Malay student. The test result also shows there is a significant difference in using the sentence construction in all variables tested.

The finding from the research on the whole shows that there is still some weaknesses of syntactical pattern usage in essay writing among the form Four students. Even though the uses of declarative sentences are acceptable in argumentative essays, students need to use more passive voice sentences in relation to the topic of the essays concerned. The same applies to sentence formation, students are more prone in using compound complex sentences instead of conjoined, complement embedded, relative embedded and adverbial embedded. Ironically these formation of sentences are also suitable for argumentative essays but are rarely used by students.

In conclusion, the results of the study allow for the identification of teaching approach in writing in schools. Therefore, a few reasonable steps should be taken by the language teacher to overcome the problems involving the usage of syntactical pattern, and the approach of teaching essay writing to the students.

BAB 1

PENDAHULUAN

Latar Belakang

Dalam pendidikan Bahasa Melayu, penulisan karangan amat penting dalam kemahiran menulis. Kemahiran ini merupakan satu kemahiran asas dalam kemahiran berbahasa, selain kemahiran membaca dan kemahiran mendengar dan bertutur. Kemahiran ini perlu dikuasai oleh setiap pelajar sejak dari sekolah rendah hinggalah ke peringkat sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi. Malah kemahiran menulis juga merupakan kemahiran utama bagi setiap pelajar untuk menggambarkan prestasi berbahasa mereka termasuklah untuk fungsi peperiksaan atau kerjaya mereka pada masa hadapan.

Mengikut Raimes (1983), kemahiran menulis melibatkan banyak aspek, dari aspek mekanis hinggalah kepada aspek kesinambungan mengikut keperluan wacana penulisan yang hendak dihasilkan. Oleh itu, para pelajar harus disedari dengan hakikat bahawa kemahiran menulis merupakan peringkat tertinggi yang hendak dicapai dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa dan kemahiran ini juga merupakan wadah yang

penting untuk dihubungkan dengan ilmu pengetahuan (Withrow,1987).

Mengikut Marohaini Yusof (1997), kemahiran menulis melibatkan beberapa pengetahuan tentang komponen-komponen menulis yang meliputi aspek isi (penghasilan idea-idea), bentuk (organisasi isi), ~~tatabahasa~~ tatabahasa (penggunaan bentuk-bentuk gramatikal dan pola-pola sintaksis), gaya (pemilihan struktur-struktur dan butiran leksikal yang bertujuan memberi kesan kepada penulisan), dan mekanis (penggunaan tanda-tanda tertentu dalam penulisan).

Di Malaysia, beberapa pelaksanaan kajian yang melihat hasil penulisan karangan telah diadakan. Misalnya kajian Kader Amin (1982), Raminah Sabran (1983), Marohaini Yusof (1989), Ismail Abdul Rajab (1990), Mariam Mohammad (1991), Narayanan (1991), Yap Soon Hock (1991) dan Muhammad Nawi (1994).

Walaupun kajian-kajian berkenaan tertumpu kepada hasil penulisan karangan, skop kajian adalah berbeza, amat sedikit daripada kajian-kajian tersebut memberi tumpuan khusus kepada aspek sintaksis terutama kajian yang melibatkan pemilihan dan penggunaan ayat-ayat pelajar. Walhal aspek sintaksis merupakan satu bahagian penting dalam menentukan tahap kebolehan dan kemahiran pelajar menghasilkan sesebuah karangan yang baik dan bermutu (Khatijah Abdul Hamid, 1997).

Pendapat yang sama turut dikemukakan oleh Mangantar Simanjuntak (1982) yang menyatakan bahawa penguasaan sintaksis dan tatabahasa mempunyai kaitan yang erat dengan faktor-faktor pemerolehan dan penguasaan bahasa seseorang pelajar

Mengikut Abdul Hamid Mahmood (1993), penulisan yang berkesan ialah penulisan yang dapat mewujudkan keintelektualan dan kesempurnaan bahasa. Jika keintelektualan bahasa hanya dapat dicapai melalui penguasaan perbendaharaan kata dan sistem tatabahasa, kesempurnaan bahasa pula dicapai melalui kesempurnaan sintaksisnya.

Kesempurnaan sintaksis sebagai satu unit bahasa yang gramatis bergantung kepada bentuk dan maknanya yang sempurna. Kesempurnaan bentuk dan maknanya ini berkait dengan kewujudan subjek dan predikat dalam sesuatu binaan sintaksis. Jika salah satu daripadanya tidak wujud, maka bentuk penulisan itu menjadi tidak sempurna (Withrow, 1987).

Malah mengikut Nik Safiah Karim *et al.*, (1996), pengetahuan tentang struktur dan unsur ayat sesuatu bahasa yang ada pada seseorang penutur membolehkan ia mengenal pasti dan menentukan ayat-ayat yang gramatis daripada yang tidak gramatis dalam bahasanya.

Oleh sebab seseorang perlu melahirkan pendapat, perasaan, pengalaman dan setiap gagasan fikiran dan konsep yang dimiliki ke dalam

bentuk ayat, maka pengetahuan ini perlu dikuasai oleh pelajar sebagai prasyarat mereka menghasilkan penulisan terbaik (Diani Amisani, 1987).

Willson (1980) telah mengemukakan satu analogi tentang kepentingan ilmu sintaksis dan pembentukan ayat dalam sesuatu penulisan. Mengikut beliau, ayat-ayat ibarat batu-batu yang menjadi asas dalam binaan bangunan. Penulisan yang baik dan berkesan bermula dengan satu set binaan sintaksis atau binaan ayat yang kukuh. Seseorang penulis perlu mengetahui ayat-ayatnya, iaitu tentang apa yang boleh atau tidak boleh ditulis sebelum meledakkan idea-ideanya dalam penulisan.

Khatijah Abdul Hamid (1997) menyatakan bahawa dalam penulisan karangan, pelajar perlu menguasai pola-pola ayat dasar dan memahami proses penerbitan ayat-ayat yang lebih kompleks seperti ayat gabungan dan ayat pancangan seperti ayat pasif dan berbagai-bagai jenis ayat seperti ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan.

Mengikut beliau, penulisan yang tepat melibatkan kemahiran menyusun atur alat-alat nahuan dan leksikal yang merupakan aspek mekanik iaitu melibatkan struktur sintaksis yang dilihat dalam wacana yang dilahirkan. Malah, binaan ayat yang tepat dan berkesan akan dapat melahirkan dan menggambarkan pendapat, perasaan, idea-idea dan keintelektualan penulisnya.

Dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah, penekanan terhadap kepentingan kemahiran menulis dan pembinaan sintaksis ini juga jelas terdapat dalam Sukatan pelajaran Bahasa Melayu dari sekolah rendah hingga ke sekolah menengah.

Dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu (1988) Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), menggariskan bahawa para pelajar harus dapat menghasilkan pelbagai penulisan dengan tepat dan jelas tentang ilmu pengetahuan dan kegiatan sehari-harian. Antara kemahiran menulis yang dinyatakan dalam sukatan pelajaran tersebut adalah seperti yang berikut:

- a) membuat karangan daripada lakaran dan catatan dengan menggunakan kata, frasa dan ayat yang betul
- b) membina ayat yang betul, tepat, gramatis dan indah
- c) membina pelbagai jenis ayat termasuk ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan
- d) membina ayat-ayat dalam perenggan untuk menghasilkan karangan

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988)

Bagaimanapun, berdasarkan laporan-laporan dan kajian yang telah lalu didapati matlamat yang digariskan di atas belum tercapai sepenuhnya. Masih banyak kelemahan yang dilakukan oleh pelajar dalam penghasilan dan pembinaan ayat-ayat sama ada dalam penulisan karangan atau lain-lain bentuk penulisan.

Mengikut Marohaini Yusof (1996), walaupun pelajar-pelajar telah didedahi dengan bentuk pengajaran untuk peperiksaan, keseluruhan karangan yang dihasilkan masih menunjukkan bahawa pelajar lebih memperlihatkan penumpuan kepada aspek-aspek luaran (seperti isi karangan, pemilihan dan penyusunan isi, ejaan, penggunaan tanda bacaan, bilangan patah perkataan dan kebersihan penulisan karangan) tanpa memberi tumpuan kepada ciri-ciri sintaksis dan gramatikal yang tidak kurang pentingnya dalam membentuk kesatuan sesebuah karangan yang baik.

Mengikut Abdul Jalil Othman (1997), kelemahan pelajar dalam penulisan karangan disebabkan mereka tidak tahu teknik menulis karangan dan kurang diberi pendedahan bagaimana menghasilkan karangan yang benar-benar mantap. Kelemahan mereka bukan sahaja dari segi gaya penulisan yang tidak teratur dan tidak menepati ciri-ciri penulisan yang sebenarnya malah mereka juga lemah dari segi penggunaan bahasa terutama dari segi tatabahasa yang melibatkan bentuk-bentuk gramatikal dan pola-pola sintaksis. Dalam erti kata lain, pelajar tidak dapat menghasilkan ayat-ayat yang tepat dan gramatis.

Nik Safiah Karim (1986) menyatakan bahawa penguasaan bahasa terutamanya dalam aspek penulisan di kalangan pelajar kita adalah jauh daripada memuaskan, kelemahan bahasa dapat dilihat daripada beberapa aspek iaitu daripada kesalahan tatabahasa kepada cara mengarang yang tidak berkesan dan tidak berjaya menyampaikan maksud.